

**MENEROKA PEMBELAJARAN TRANSFORMATIF KE ARAH
KEPULIHAN DADAH DALAM KALANGAN BEKAS PENAGIH DADAH**

NORMALA BINTI ABU HASSAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MENEROKA PEMBELAJARAN TRANSFORMATIF KE ARAH KEPULIHAN
DADAH DALAM KALANGAN BEKAS PENAGIH DADAH

NORMALA BINTI ABU HASSAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2017

DEDIKASI

Syukur ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan dan izinNya yang memberi kekuatan dan ketabahan dalam menghasilkan tesis ini. Tesis ini ditujukan buat ibundaku yang tercinta Allahyarhamah Hajjah Selamat Talib yang telah pulang ke pangkuan Allah SWT ketika aku sedang menghasilkan tesis ini. Untuk ayahanda tercinta Haji Abu Hassan Shaari yang sentiasa memberi sokongan, semangat dan sentiasa mendoakan kejayaan buat diriku.

Buat adik beradikku, along, abang, ateh, akak rozie dan akak ija, anak sedara-sedaraku terutama Siti Nurbaini, rakan-rakan dan rakan-rakan sepejabat terima kasih atas segala sokongan dan dorongan dan doa ketika menghasilkan tesis ini.

PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Allah swt kerana dengan limpah dan rahmatNya, aku dapat menghasilkan sebuah penulisan tesis ijazah sarjana falsafah. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Dr Mohd Azhar Abd Hamid atas kesudian menjadi penyelia dengan mencurahkan ilmu, masa dan tenaga dalam membantu, membimbing dan memberi inspirasi dalam penghasilan tesis ini. Tanpa sokongan, nasihat dan pandangan beliau, perjalanan dan kelancaran dalam menghasilkan tesis ini mungkin terganggu. Semoga Allah membalas jasa dan budi baik beliau.

Terima kasih juga kepada Pengarah AADK, Selangor yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di CCSC. Juga saya ingin ucapan terima kasih kepada Pegawai AADK, kaunselor dan PRS yang banyak membantu sepanjang saya menjalankan kajian saya ini. Serta ucapan terima kasih kepada penghuni di CCSC atas kesudian menjadi responden dalam kajian ini. Tanpa bantuan mereka belum tentu kajian ini berjaya.

Jutaan terima kasih juga kepada panel pemeriksa luar iaitu Prof Madya Dr Azizan Asmuni (UPM) dan pemeriksa dalaman iaitu Dr Muhamed Fauzi Othman (UTM) atas kesudian menilai dan memberi pandangan dalam memurnikan lagi penghasilan tesis ini.

ABSTRAK

Kajian ini akan memerihalkan tentang proses pembelajaran transformatif dalam kalangan bekas penagih dadah yang telah pulih daripada ketagihan dadah di Petaling Jaya, Selangor. Proses pembelajaran transformatif dalam konteks penagihan dadah tidak diberi tumpuan berbanding dengan kajian lain. Di Malaysia, pengkaji lebih menumpukan kepada punca, faktor, pencegahan, rawatan dan proses pemulihan bagi ketagihan dadah. Dalam konteks Barat pula, kajian yang dijalankan berkaitan dengan individu yang pulih daripada ketagihan dadah menerusi pembelajaran transformatif namun tidak memberi tumpuan terhadap proses pembelajaran transformatif. Lima objektif kajian seperti peristiwa pencetus, refleksi kritikal, dialog, faktor transformasi perspektif dan kesan transformasi perspektif turut dikenalpasti dan dikaji dalam usaha memahami dan meneroka proses transformasi perspektif yang berlaku dalam kalangan bekas penagih dadah. Kajian ini menggunakan kajian kes dan fenomenologi menerusi pendekatan kualitatif. Seramai limabelas orang bekas penagih dadah, pegawai Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), kaunselor dan pembimbing rakan sebaya telah dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Temubual separa berstruktur, analisis dokumen perbincangan meja bulat digunakan untuk pengumpulan data. Data dianalisis secara manual dengan menggunakan kaedah fenomenologi. Hasil kajian mendapati bekas penagih dadah mengalami proses pembelajaran transformatif dalam bentuk berulang-ulang dan terintegrasi. Selain itu, refleksi berganda dan dialog turut membantu proses transformasi perspektif yang berlaku menerusi tiga gelombang, enam fasa dan dua belas tahap yang memberi kesan terhadap kognitif-rasional, afektif-emosi, tingkahlaku dan spiritual bekas penagih dadah. Secara teorinya, kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman yang mendalam terhadap proses pemulihan bagi bekas penagih dadah menerusi model proses transformasi perspektif. Selain itu, pengamal pembangunan sumber manusia memperoleh pemahaman yang lebih jelas tentang pembelajaran transformatif bagi orang dewasa dan AADK untuk membantu penagih dadah dalam proses pemulihan. Bagi kajian akan datang disarankan untuk memberi tumpuan kepada elemen spiritual terhadap semua agama di Malaysia dan elemen refleksi kritikal dalam pembelajaran transformatif sebagai pemahaman alternatif untuk melihat bagaimana refleksi kritikal boleh membantu bekas penagih dadah untuk pulih daripada ketagihan dadah.

ABSTRACT

This study investigates transformative learning process among former drug addicts who are completely free from addiction in Petaling Jaya, Selangor. Transformative learning process within the context of drug addiction is not well researched compared to other studies. In Malaysia, researchers focus on causes factors, prevention, treatment and recovery process for drug addiction. Within Western context, the studies are more on the transformative learning for individual who are recovering from drug addiction not on the transformative learning process. Five objectives of this study such as trigger events, critical reflection, dialogue, factor of perspective transformation and effect of perspective transformation were identified and studied in order to understand and explore the perspective transformation process that occurs among former drug addicts. The research employed a qualitative case study and phenomenology approach. A total of fifteen participants comprised of former drug addicts, Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) officer, counselor and peer advisors were selected using purposive sampling. Semi structured interview, documents analysis and roundtable discussion method were used as data collection. The data were analysed manually using phenomenological data analysis method. A key finding is that former drug addicts experiences transformative learning process via recursive, integrated events. In addition, multiple reflection and dialogue are found to have assisted the process of perspective transformation that occurred in three waves, six phases and twelve phases which affected the cognitive, emotional, behaviour and spiritual of the former drug addicts. Theoretically, this study contributes towards a better understanding of the flow of the recovery process for the former drug addicts using the model of perspective transformation process. Practically, this study help practitioners such as HRD to have better understanding of the transformative learning for adults and AADK to help drug addicts in the recovering process. For future research it is recommended to focus on the element of spirituality from all religion in Malaysia and critical reflection of transformative learning in order to have an alternative understanding of how critical reflection can help former drug addicts to recover from their addiction.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SINGKATAN SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan kajian	11
	1.5 Objektif kajian	11
	1.6 Matlamat Kajian	12
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Skop Kajian	13
	1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	14
	1.9.1 Pembelajaran Transformatif	14
	1.9.2 Transformatif Perspektif	15

1.9.3	Refleksi Kritisal	16
1.9.4	Perspektif Makna	16
1.9.5	Skema Makna	17
1.9.6	Peristiwa Pencetus	18
1.9.7	Kerangka Rujukan	18
1.9.8	Wacana/Dialog	19
1.9.9	Penagih Dadah	19
1.9.10	Bekas Penagih Dadah	20
1.10	Kesimpulan	20
2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Penagih Dadah	21
2.2.1	Bekas Penagih Dadah	24
2.2.2	Pendidikan Rehabilitasi	27
2.3	Pembangunan Sumber Manusia	29
2.4	Pengalaman dalam Pembelajaran Orang Dewasa	31
2.5	Konsep dan Teori Pembelajaran Transformatif	32
2.5.1	Elemen Pembelajaran Transformatif	34
2.5.1.1	Perspektif Makna	35
2.5.2	Peristiwa Pencetus	36
2.5.2.1	Peristiwa Terintegrasi	42
2.5.3	Refleksi Kritisal	48
2.5.4	Wacana/Dialog	53
2.6	Faktor – faktor yang Membantu Transformasi Perspektif	57
2.6.1	Faktor Personal	58
2.6.2	Faktor Kontekstual	61
2.7	Kesan Transformasi Perspektif	65
2.7.1	Transformasi Kognitif – Rasional	66
2.7.2	Transformasi Afektif – Emosi	69
2.7.3	Transformasi Tingkahlaku	73
2.7.4	Transformasi Spiritual	75
2.8	Proses Pembelajaran Transformatif	78

2.8.1	Proses Linear	83
2.8.2	Proses Tidak Linear	85
2.9	Model Proses Transformasi Perspektif	88
2.10	Teori Pembelajaran	90
2.10.1	Teori Konstruktivisme	90
2.10.2	Teori Sosiobudaya	92
2.10.3	Teori Kritikal	94
2.10.4	Teori 'Situating Learning'	96
2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	98
2.12	Kesimpulan	101
3	METODOLOGI KAJIAN	103
3.1	Pengenalan	103
3.2	Kajian Kualitatif	103
3.2.1	Rasional Kajian Kualitatif	106
3.3	Reka Bentuk Kajian	107
3.3.1	Kaedah Fenomenologi	111
3.3.2	Kajian Kes	113
3.4	Populasi, Persampelan dan Saiz Sampel	115
3.5	Lokasi Kajian	118
3.6	Pengumpulan Data	120
3.6.1	Kaedah Temubual	122
3.6.1.1	Temubual Mendalam	123
3.6.1.2	Temubual Separa Berstruktur	124
3.6.1.3	Protokol dan Strategi Temubual	125
3.6.1.4	Strategi Temubual Bekas Penagih Dadah	125
3.6.1.5	Strategi Temubual Pegawai AADK	126
3.6.1.6	Strategi Temubual Kaunselor/PRS	127
3.6.2	Perbincangan Meja Bulat (<i>Round Table Discussion</i>) (RTD)	127

3.6.3	Analisis Dokumen	128
3.6.4	Triangulasi Data	129
3.7	Kajian Rintis	131
3.8	Pengurusan dan Analisis Data	132
3.8.1	Penganalisan Data	134
3.8.2	Pengekodan Data	135
3.8.2.1	Pengekodan Terbuka (<i>open coding</i>)	136
3.8.2.2	Pengekodan Silang (<i>axial coding</i>)	138
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	140
3.9.1	Kesahan Dalaman	141
3.9.2	Kesahan Luaran	141
3.10	Etika Dalam Kajian	142
3.11	Kesimpulan	143
4	DAPATAN KAJIAN	144
4.1	Pengenalan	144
4.2	Demografi Responden Kajian	145
4.3	Objektif Kajian 1: Mengenal pasti Punca Bekas Penagih Dadah Ketagihan Dadah Berulang Kali (Relapse)	146
4.3.1	Punca Ketagihan Dadah Berulang Kali (Relapse)	146
4.3.1.1	Keluarga	147
4.3.1.2	Rakan-rakan	148
4.3.1.3	Diri Sendiri	149
4.3.1.4	Sarang Penagihan Dadah	150
4.3.1.5	Kurang Pengetahuan dan Kesedaran Agama	151
4.3.2	Subobjektif 1	152
4.3.2.1	Peristiwa Pencetus Yang Berlaku Yang Menyebabkan Bekas Penagih Dadah	

	Melakukan Transformasi Perspektif (TP) Terhadap Ketagihan Dadah	152
4.4	Objektif 2	157
4.4.1	Refleksi Kritis Membantu Individu Mengubah Perspektif Individu Terhadap Ketagihan Dadah	157
4.4.1.1	Tahap Refleksi Umum	159
4.4.1.2	Tahap Refleksi Kendiri	162
4.4.1.3	Tahap Refleksi Mendalam	167
4.4.2	Subobjektif 2	173
4.4.2.1	Peranan Dialog Dalam Membantu Individu Dalam Proses Transformasi Perspektif (TP)	173
4.5	Objektif 3: Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Membantu dalam Proses Transformasi Perspektif (TP) Terhadap Ketagihan Dadah	179
4.5.1	Faktor Personal	180
4.5.1.1	Berpengetahuan	180
4.5.1.2	Berfikiran Positif	182
4.5.1.3	Bermotivasi	184
4.5.1.4	Penghayatan Terhadap Agama Islam	185
4.5.2	Faktor Kontekstual	187
4.5.2.1	Peranan Keluarga	187
4.5.2.2	Persekitaran Kondusif	189
4.5.2.3	Peranan Komuniti	191
4.6	Objektif 4: Kesan Transformasi Perspektif (TP) Terhadap Bekas Penagih Dadah	192
4.6.1	Transformasi Pemikiran	193
4.6.2	Transformasi Beremosi (Diri Sendiri)	198
4.6.2.1	Individu yang Rapat (Keluarga dan Rakan)	201

4.6.3	Transformasi Tingkahlaku	205
4.6.4	Transformasi Spiritual	208
4.7	Objektif 5: Proses Transformatif Perspektif (TP) Bekas Penagih Dadah Terhadap Ketagihan Dadah	212
4.7.1	Kehidupan Normal	213
4.7.2	Gangguan Fikiran	214
4.7.3	Tekanan	216
4.7.4	Peristiwa Pencetus/Terintegrasi	218
4.7.5	Refleksi Kritikal (Skema Makna)	219
4.7.6	Dialog (Skema Makna)	224
4.7.7	Perspektif Makna	228
4.7.8	Sokongan	232
4.7.9	Tingkatkan Amalan	234
4.7.10	Kekuatan Jati Diri	235
4.7.11	Kekalkan Kepulihan	237
4.7.12	Islah Diri	239
4.8	Kesimpulan	240
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN	241
5.1	Pengenalan	241
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	242
5.3	Perbincangan	243
5.3.1	Latar Belakang Responden	244
5.3.2	Objektif 1 (Punca Ketagihan Dadah Berulang Kali (<i>Relapse</i>))	245
5.3.3	Subobjektif 1 (Peristiwa Pencetus)	247
5.3.3.1	Ahli Keluarga	248
5.3.3.2	Diri Sendiri	249
5.3.3.3	Kematian	250
5.3.4	Objektif 2 (Refleksi Kritikal)	251
5.3.4.1	Tahap Refleksi Umum	252
5.3.4.2	Tahap Refleksi Kendiri	254

5.3.4.3	Tahap Refleksi Mendalam (<i>In-Depth</i>)	256
5.3.5	Subobjektif 2 (Dialog)	258
5.3.6	Objektif 3 (Faktor - faktor TP)	260
5.3.6.1	Faktor Personal	260
5.3.6.2	Faktor Kontekstual	262
5.3.7	Objektif 4 (Kesan TP)	264
5.3.7.1	Transformasi Pemikiran	264
5.3.7.2	Transformasi Emosi	265
5.3.7.3	Transformasi Tingkahlaku	267
5.3.7.4	Transformasi Spiritual	268
5.5.1	Proses TP Terhadap Ketagihan Dadah	269
5.3.8.1	Gelombang Satu : Kebingungan	270
5.3.8.2	Gelombang Kedua: Penerokaan	273
5.3.8.3	Gelombang Ketiga : Kebangkitan	277
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	282
5.5	Sumbangan kepada Teori Kajian	285
5.5.1	Teori Pembelajaran Transformatif	286
5.5.2	Teori Konstruktivisme	288
5.5.3	Teori Sosiobudaya	288
5.5.4	Teori Kritikal	289
5.5.5	Teori “Situating Learning”	290
5.6	Implikasi	291
5.6.1	Implikasi kepada Bekas Penagih Dadah	291
5.6.2	Implikasi kepada Keluarga dan Rakan	292
5.6.3	Implikasi kepada Pihak Berwajib	293
5.6.4	Implikasi kepada Teori Pembelajaran Transformatif dan Pembelajaran Dewasa	294
5.7	Limitasi Kajian	295
5.8	Cadangan Kajian	295
5.9	Kesimpulan Kajian	297

5.10	Penutup	298
	RUJUKAN	300
	Lampiran A-F	331

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Ringkasan Objektif Kajian	111
3.2	Perkembangan temubual, analisis dokumen dan RTD hingga ke penulisan laporan	121
3.3	Triangulasi Data	130
3.4	Contoh Dokumen Temubual Dan Pengekoda Terbuka	137
3.5	Contoh Pengekoda Terbuka Mengikut Responden	137
3.6	Contoh Pengekoda Terbuka Mengikut Pengekoda	138
3.7	Contoh Pengekoda Silang Berdasarkan Item Peristiwa Pencetus	139
3.8	Proses Penganalisan Data	140
4.1	Demografi Responden Kajian	145
4.2	Proses Transformasi Perspektif Terhadap Ketagihan Dadah	212

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Kerangka teoritikal kajian	101
3.1	Proses Aliran Kerja	110
3.2	Prosedur Penganalisan Data Kualitatif	133
3.3	Kod Butiran Responden dan Teks Temubual	136
5.1	Model Proses Transformasi Perspektif Bekas Penagih Dadah Terhadap Dadah	281

SINGKATAN SINGKATAN

AADK	-	Agensi Antidadah Kebangsaan
CCSC	-	<i>Cure and Care Service Centre</i>
PRS	-	Pembimbing Rakan Sebaya
TP	-	Transformasi Perspektif
RTD	-	<i>Roundtable Discussion</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Protokol Soalan (Bekas Penagih Dadah)	331
B	Protokol Soalan Kepada Pegawai Aadk	334
C	Protokol Soalan Kepada Kaunselor/Rakan	335
D	Protokol Soalan RTD	336
E	Surat Akuan	337
F	Ringkasan Dapatan Kajian	338

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengukuhan atau *reinforcement* merupakan aktiviti penting dalam Pembangunan Sumber Manusia (HRD) yang bertujuan supaya pembelajaran baru dipraktikkan dan tidak hilang begitu sahaja (Kassim, 2008). Merriam, Caffarella dan Baumgartner (2007) menegaskan bahawa pembelajaran merupakan proses pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap. Pembelajaran bagi orang dewasa menumpukan kepada kelansungan diri (*self orientation*) dan nilai pengalaman dalam proses pembelajaran. Dalam konteks orang dewasa pembelajaran boleh berlaku di mana-mana dan dalam apa jua keadaan (Mohd Azhar, Adanan, dan Rosman, 2008). Orang dewasa berupaya bertindak ke arah sendiri dalam pembelajaran dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil (Knowles, 1980). Menurut Mohd Azhar, Adanan, dan Rosman (2008) orang dewasa adalah unik dan dinamik dari segi sosial, fizikal, psikologikal dan spiritual dan dengan keunikan ini orang dewasa sentiasa bersedia untuk mengadaptasi dirinya dengan perubahan kerana ia berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, orang dewasa perlu belajar dan sentiasa belajar kerana pembelajaran itu bersifat berterusan dan sepanjang hayat.

Menurut Knowles (1980) dalam pembelajaran orang dewasa perlu terlibat dalam merancang dan membuat tafsiran supaya mencapai matlamat yang dikehendaki. Pengalaman adalah asas kepada aktiviti pembelajaran (konsep belajar) yang mana pengalaman memberi makna terhadap individu (Gibb, 1960 dan Knowles, 1980). Selain itu, pembelajaran yang berlaku tertumpu pada masalah (*problem-centered*). Oleh itu, pembelajaran adalah proses yang berterusan yang mana orang dewasa merasakan bahawa pengalaman adalah penting bagi masa depan mereka dan mereka mempunyai motivasi untuk berubah dan *self discovered* (Mohd Azhar *et al.*, 2004). Seterusnya Mohd Azhar, Adanan dan Rosman (2008) menegaskan bahawa pembelajaran adalah proses kepada perubahan dan ianya tidak bermakna tanpa ada perubahan yang mana perubahan tersebut mestilah bersifat kekal dan tekal.

Transformasi boleh berlaku menerusi beberapa pendekatan yang berkesan dan salah satu daripadanya dalam konteks orang dewasa adalah menerusi proses pembelajaran. Sarjana dan pengamal pembelajaran dewasa seperti Lindeman (1926), Knowles (1970), Mezirow (1978), Kolb (1984), Taylor (1998), Jarvis (2006), Cranton (2006), Merriam, Caffarella dan Baumgartner (2007) dan Kitchenham (2008) berpandangan proses pembelajaran sangat berkesan dalam mengubah perspektif dan tingkahlaku individu dewasa. Justeru, banyak kajian yang telah dijalankan di dalam dan luar negara dalam konteks orang dewasa menunjukkan bahawa pembelajaran adalah alat yang berkesan dalam mengubah individu menjadi lebih baik. Justeru, kajian ini turut memberi penekanan terhadap proses pembelajaran dalam kalangan bekas penagih dadah. Dalam konteks ketagihan dadah proses pembelajaran sangat penting dan perlu diberi penekanan selain daripada pendekatan perubatan, psikologi dan kaunseling (Siti Norliana *et al.*, 2015; Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad *et al.*, 2015).

Dalam konteks penagihan dadah antara pendekatan yang digunakan dalam rawatan dan pemulihan ketagihan dadah adalah menerusi pendidikan rehabilitasi (*rehabilitation education*) (Rokiah, 2010; Fauziah *et al.*, 2011; Ruhani, 2013; Siti Norliana *et al.*, 2015). Namun pendidikan rehabilitasi ini lebih menekankan kepada proses kaunseling iaitu melibatkan seorang kaunselor dan pelatih. Justeru itu, kajian

ini akan cuba meneroka dan memahami fenomena bekas penagih dadah yang berhenti sepenuhnya daripada aktiviti ketagihan dadah menerusi proses pembelajaran transformatif.

Pembelajaran transformatif bersifat pembelajaran arah sendiri (Mezirow, 1978, 1991 & 1998). Jelas Mezirow (1991) transformasi ialah bagaimana individu memahami diri dan dunia sekeliling mereka adalah hasil daripada pembelajaran bawah sedar. Menurut Mezirow (1991), Ileris (2007) dan Taylor (2008) melalui pembelajaran transformatif individu boleh membebaskan diri daripada bias menerusi proses transformasi perspektif. Oleh itu, perubahan memerlukan ilmu dan maklumat yang didapati menerusi proses pembelajaran yang berterusan (Mohd Azhar, 2005).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pembangunan Sumber Manusia (HRD) adalah berkaitan dengan persoalan tentang bagaimanakah untuk memahami dan membangunkan manusia dan juga sebagai suatu proses pembelajaran untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi memenuhi tuntutan pada masa kini dan masa hadapan (Siti Arni, 2004). Pembangunan sumber manusia juga merangkumi tiga aspek utama iaitu pertambahan ilmu pengetahuan, perubahan sikap dan peningkatan kemahiran (Dessler, 2014). Menurut Siti Arni lagi (2004), Islam menekankan bahawa pembangunan sumber manusia bersifat menyeluruh dan kolektif serta menyeru manusia untuk mengamalkan proses pembelajaran seumur hidup (*min al-mahd ila al-lahd*). Ia dapat dilihat melalui pembangunan individu muslim dan sumbangannya pada masyarakat.

Bagi organisasi, Pembangunan Sumber Manusia berperanan dalam mewujudkan sesebuah organisasi yang sihat dan cemerlang. Peranan pembangunan sumber manusia dalam organisasi sebagai suatu kriteria penting untuk menentukan

peningkatan kemahiran dan moral pekerja demi untuk mencapai matlamat organisasi (Nir Mala, 2002). Dalam bidang pendidikan pula menjelaskan ia sebagai satu proses pembelajaran yang memberi tumpuan terhadap perkara yang berlaku apabila berlakunya pembelajaran. Pembelajaran adalah proses yang berlakunya perubahan sikap dan pembentukan tingkahlaku (Mohd Azhar *et al.*, 2004). Ia juga sebagai proses yang menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku pada manusia yang dihasilkan melalui pengalaman yang diperolehi dan latihan yang diikuti (Knowles, 1970). Dari segi pembelajaran terdapat perbezaan bagi orang dewasa dan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak strategi pembelajaran mereka dikenali sebagai '*Pedagogy*' yang bermaksud seni dan kebudayaan (Mohd Azhar *et al.*, 2004). '*Pedagogy*' ialah proses pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak. Ia diambil dari perkataan Yunani iaitu '*paid*' bermaksud '*child*' dan '*agogos*' bermaksud '*leader of*'. Pembelajaran bagi orang dewasa dikenali sebagai andragogi. Andragogi adalah seni dan sains bagi membantu pembelajaran orang dewasa (Knowles, 1970). Seterusnya Knowles menyatakan bahawa perbezaan konsep ini kerana orang dewasa selalunya membawa pelbagai sumber dan pengalaman dalam pembelajarannya (Mohd Azhar, 2012). Pembelajaran dewasa adalah proses pembelajaran berterusan dalam jangka masa panjang yang mana melibatkan orang dewasa yang sudah matang daripada segi pemikiran yang mana orang dewasa tidak lagi bergantung harap kepada orang lain dan mereka bertindak ke arah sendiri (Mohd Azhar *et al.*, 2004). Pengalaman sebagai sumber pembelajaran yang penting dalam meningkatkan keupayaan dalam meneruskan proses pembelajaran (Mohd Azhar, 2012).

Pembelajaran transformatif oleh Mezirow begitu penting dan semakin diberi penekanan dalam pembelajaran orang dewasa (Mezirow, 1981; Jarvis, 2006; Cranton, 2006 dan Mohd Azhar, 2012). Pembelajaran transformatif menggunakan pendekatan konstruktif dalam pembelajaran dewasa yang mana pengetahuan bukan berada di luar sana untuk ditemui tetapi dibina melalui tafsiran dan pentafsiran semula berdasarkan pengalaman baru (Mezirow, 1981). Antara ciri pembelajaran dewasa yang unik dan menonjol menurut Mezirow (1990) ialah apabila individu melakukan refleksi secara kritikal terhadap kehidupan dan akhirnya sedar kenapa individu memberikan makna tertentu terhadap realiti tersebut, khususnya berkaitan dengan peranan dan hubungan individu.

Menurut Mezirow (1991) transformasi perspektif yang berlaku kepada seseorang individu bersifat kekal dan tidak akan berpatah balik. Transformasi merupakan suatu perjalanan yang dialami oleh semua individu melalui refleksi kritikal dan dialog/wacana. Ia berlaku melalui struktur mental dan bersifat unik sehingga mampu mengubah perspektif, pandang dunia dan tingkah laku individu (Cranton, 2006). Maznah dan Carter (2000) menegaskan bahawa sekiranya manusia mahu melakukan transformasi kepada sesuatu keadaan, dua perkara penting yang perlu diambil perhatian iaitu melalui proses pemikiran dan tindakan. Pembelajaran transformatif melibatkan pemikiran yang rasional dan refleksi kritikal yang akan memberi reaksi terhadap peristiwa pencetus yang mana seseorang itu akan menyoal diri sendiri tentang peristiwa yang dialami. Mezirow (1990) menegaskan bahawa pembelajaran orang dewasa bukanlah sekadar menambah apa yang mereka telah tahu, tetapi pembelajaran baru itu merubah pengetahuan sedia ada kepada perspektif baru. Melalui pembelajaran transformatif individu menyedari bahawa andaian mempengaruhi peranan, peraturan dan persetujuan yang seterusnya menentukan cara kita berfikir, bertindak, berasa dan melihat. Mohd Azhar (2012) menyatakan pembelajaran berlaku bila individu mencari perspektif alternatif dan ia bermula dengan mula mempersoalkan sesuatu yang sebelumnya terdapat dalam habit minda (*minds habit*). Mohd Azhar (2012) juga menegaskan bahawa perubahan itu sendiri memerlukan ilmu dan maklumat dan ia diperolehi melalui proses pembelajaran yang berterusan.

Menurut Mezirow (1978, 1991 dan 2000) pembelajaran orang dewasa berlaku melalui empat cara (i) memperkemaskan kerangka rujukan yang ada (ii) belajar melalui kerangka rujukan yang baru (iii) memperbaharui sudut pandangan (iv) memperbaharui tabiat minda. Pembelajaran orang dewasa adalah berkaitan tentang penghasilan makna (*meaning making*) yang menjadi asas kepada pembelajaran dan akan menjadi petunjuk arah bagi orang dewasa untuk tindakan masa depan (*future actions*) (Mohd Azhar, 2012). Oleh itu, dalam kajian ini proses transformasi terhadap kepulihan dadah merupakan suatu bentuk pembelajaran ke arah mencari makna dalam kehidupan individu. Pembelajaran transformatif merupakan teori yang paling sesuai

dalam konteks kajian ini yang mana menjelaskan pengalaman dan proses menghasilkan makna dalam proses transformasi perspektif terhadap kepulihan dadah. Penghasilan makna menerusi proses menyoal, memilih dan mengubasuai pengalaman hidup, kepercayaan, sistem nilai dan sistem sosial yang didiami (Mohd Azhar, 2012). Pembelajaran transformatif juga sebagai satu proses yang mana individu menyemak kembali pengalaman atau pengetahuan secara rasional apabila berhadapan dengan suatu situasi baru yang perlu pengesahan dan membuat keputusan dalam menentukan hala tuju hidup dimasa hadapan (Mohd Azhar, 2012).

1.3 Pernyataan Masalah

Teori pembelajaran transformatif yang diperkenalkan oleh Mezirow pada tahun 1978 sudah berkembang selama 39 tahun (1978 – 2017). Ia telah merentasi pelbagai bidang dalam pembelajaran dewasa. Pembelajaran transformatif yang diperkenalkan oleh Mezirow (1978) berkaitan dengan perubahan perspektif seseorang yang mana, individu melakukan refleksi terhadap apa yang telah berlaku kepada mereka untuk mencari makna dan mengubah pandangan dan melakukan transformasi dalam kehidupan mereka seperti yang ditegaskan oleh Mezirow (2000) transformasi *“refers to a movement through time of reformulating reified structures of meaning by reconstructing dominant narratives”*. Menurut Baumgartner (2001) pula, transformasi bermaksud transformasi secara fizikal dan psikologikal. Ia merupakan suatu proses yang kompleks yang melibatkan pemikiran dan perasaan (Taylor, 2000).

Proses pembelajaran transformatif boleh berlaku dalam pelbagai bidang seperti politik (Mazalan, 2002; Kaison, 2009), spiritual dan keagamaan (Weinski, 2006; Roberts, 2009; Mohd Azhar, 2012) dan perubahan tingkah laku (Kung, 2007; Johnson 2007; Nordbye, 2009). Namun begitu kajian literatur terdahulu kurang menfokuskan kepada proses pembelajaran transformatif seperti kajian tentang budaya masyarakat tempatan mempengaruhi kehidupan individu dan akhirnya individu mengalami

transformatif perspektif dalam kehidupan (Moon, 2002; Ritz 2006; Kung, 2007; Marmon, 2007; Maney, 2008; Dodson, 2009; Magro dan Polyzoi, 2009), elemen spiritual dan keagamaan boleh memberi kesan psikologi terhadap individu dan memberi kesan tingkah laku terhadap individu yang mana boleh meningkatkan kesedaran diri individu (Lennox, 2005; Weinski, 2006; Chan, 2008; Kao, 2009; Roberts, 2009; Mohd Azhar, 2012); individu melakukan transformasi apabila ditimpa penyakit yang mana individu berasa susah hati dan risau tentang penyakit yang dihadapi, dengan melakukan proses transformasi individu berjaya mengatasi masalah tersebut dan menjalani kehidupan seperti biasa dan mampu untuk mengurus diri sendiri (Ritchie, 2006, Curry-Stevens, 2007; Strawn, 2008; Taylor, 2008; Pereira, 2008; Brendel, 2009; Dodson, 2009), elemen politik dan kepimpinan boleh mempengaruhi kehidupan individu dan mengubah struktur perspektif makna individu apabila individu mengubah perspektif lama (Mazalan, 2002; Gabriel, 2008; Kairson, 2009), dalam ekonomi dan perniagaan individu melakukan transformasi perspektif terhadap masalah yang dihadapi dan ia mengambil masa untuk mengubah kehidupan mereka dan akhirnya individu membuat tindakan yang sewajarnya untuk kembali ke kehidupan yang normal (Nordbye, 2009; Kim, 2007).

Terdapat kajian yang dijalankan mengenai pembelajaran transformatif di Malaysia oleh Mohd Azhar (2012) tentang pengalaman transformatif perspektif orang Cina terhadap Islam dan Mazalan (2002) mengenai kesedaran politik terhadap individu Melayu Bandar yang terpelajar. Sehubungan itu, pada pandangan pengkaji, transformasi bekas penagih dadah menerusi pembelajaran transformatif perlu diteroka secara komprehensif bagi memahami fenomena transformatif perspektif terhadap bekas penagih dadah dapat difahami secara ilmiah.

Di samping itu, proses transformasi perspektif bekas penagih merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat. Ia boleh disifatkan sebagai pembelajaran sendiri (*self directed*) kerana niat untuk melakukan transformasi itu datang dari dalam diri bekas penagih dadah itu sendiri. Proses transformatif perspektif merupakan proses yang kompleks dan berbeza berdasarkan kepada fenomena/peristiwa yang dialami oleh individu (Mezirow, 1991; Cranton, 2006; Taylor, 2005). Mohd Azhar (2012)

menjelaskan bahawa proses transformasi perspektif boleh berlaku dalam dua kondisi iaitu struktur makna sebelum dan selepas sesuatu fenomena/peristiwa yang mana akan mempengaruhi pemikiran, interaksi dan tindakan terhadap kehidupan.

Bagaimana pula dalam konteks proses pembelajaran transformatif di Malaysia terhadap bekas penagih dadah? Jika dilihat dalam kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia lebih cenderung menjalankan kajian dalam konteks punca, faktor, langkah pencegahan, rawatan dan pemulihan dan cara menyelesaikan masalah penagihan dadah. Pengkaji mendapati antara kajian yang berkaitan dengan dadah di Malaysia seperti penagihan semula (*relaps*) (Zall Keppli, 2009; Fauziah *et al.*, 2009; Wan Salmi, 2012), rawatan secara kerohanian dan spiritual (Sabir dan Fadzli, 2014; Dara Aisyah *et al.*, 2013; Ruhani, 2013; Mohamad Johdi, 2012; Fauziah dan Bahaman, 2011; Fadzli *et al.*, 2012; Fauziah *et al.*, 2011; Murnizam *et al.*, 2011; Rokiah, 2010), pemulihan psikologi dan psikoterapi (Zulkhairi dan Mahmood Nazar, 2007; Huzili *et al.*, 2007; Muhammad Yusuf, 2008; Abdul Halim *et al.*, 2011; Puteri Hayati dan Mohammad Azhar, 2011; Sh Marzety *et al.*, 2015), dadah gantian (Sangeeth *et al.*, 2009, Siti Hajar *et al.*, 2009; Mahmood Nazar dan Muhamad Dzahir, 2007), modifikasi tingkah laku (Jamaludin *et al.*, 2011; Zakaria *et al.*, 2009), dadah dalam kalangan wanita (Sabitha Merican, Mahmood Nazar dan Rosnah, 2007; Najwa *et al.*, 2009; Jamaluddin, Nor Asida dan Tajul Aripin, 2009; Muhammad Asyraf dan Jamaludin, 2013; Fauziah *et al.*, 2014). Namun begitu, kesemua kajian yang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia tidak memberi tumpuan terhadap proses pembelajaran transformatif bekas penagih dadah.

Dalam menangani masalah ketagihan dadah intervensi diperlukan sebagai langkah pencegahan supaya mereka tidak kembali semula menagih dadah dan bukan hanya tertumpu pada rawatan dan pemulihan sahaja. Antaranya ialah memberi khidmat kaunseling pada bekas penagih dadah kerana ia banyak membantu mereka dalam mengekalkan kepulihan dadah (Lasimon, 2007). Kaunseling merupakan salah satu langkah yang paling berkesan dalam menangani masalah dadah dan berlakunya perubahan tingkahlaku dalam kehidupan mereka. Selain itu, persekitaran sosial yang bebas dadah turut memberi kesan kepada bekas penagih dadah yang mana kerajaan

mewujudkan zon bebas dadah di setiap kawasan kediaman dan kegiatan golongan ini sentiasa diawasi. Kajian terhadap bekas penagih dadah tidak mendapat tumpuan kerana golongan ini sukar untuk didekati dan dihampiri kerana kesukaran untuk mendapatkan data dan maklumat daripada mereka. Terdapat kajian yang telah dijalankan terhadap fenomena proses transformasi terhadap bekas penagih dadah tetapi dalam konteks di negara Barat. Bekas penagih dadah ini digalakan untuk berkhidmat dengan komuniti supaya mereka dapat bergaul dengan masyarakat dan mengubah pandangan masyarakat bahawa bekas penagih dadah ini tidak boleh berubah. Selain itu, golongan ini diberi peluang untuk menjana pendapatan mereka sendiri dengan mewujudkan kawasan perniagaan. Secara tidak langsung mereka mampu untuk hidup berdikari dan mampu untuk mengurus kehidupan mereka sendiri.

Sungguh pun terdapat kajian yang dijalankan yang berkaitan dengan kejayaan individu yang pulih dari ketagihan dadah dalam konteks kajian di Barat tetapi para pengkaji lepas tidak memberi tumpuan kepada proses pembelajaran transformatif. Kajian yang dijalankan oleh Bolduc (2000) menyatakan 50 peratus daripada responden yang terlibat dalam pemulihan dadah di Cincinnati mengalami transformasi semasa terlibat dalam program pemulihan dadah. Menurut Peirera (2008) lapan wanita melalui pengalaman pulih dari dadah dan alkohol mengalami pengalaman spiritual semasa menjalani latihan pemulihan. Dalam kajian oleh Ventresca (2012) terhadap bekas penagih wanita yang menagih kokain mendapati individu mendapat ketenangan selepas pulih dari menagih kokain.

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan proses pembelajaran transformatif dalam konteks penagihan dadah amat kurang dijalankan berbanding dengan kajian yang lain. Perhatian terhadap bekas penagih dadah ini juga perlu diambil berat kerana mereka ini boleh menjadi contoh (*role model*) kepada penagih yang baru pulih dari ketagihan dadah. Adakalanya mereka ini takut untuk berhadapan dengan masyarakat setelah pulih dari ketagihan dadah akibat daripada persepsi masyarakat yang menyatakan penagih dadah adalah penjenayah. Bekas penagih dadah ini boleh dikategori sebagai orang yang terpinggir (*marginalised people*) kerana mereka ini kurang diberi perhatian oleh masyarakat (Merriam dan Bierema, 2014). Golongan

terpinggir ini akan mengalami tekanan perasaan, ikatan keluarga yang rapuh dan tidak ada hala tujuan dalam hidup. Mereka ini perlu dibantu dan dirawat kerana jika tidak dibantu boleh menjadi “barah” kepada masyarakat.

Peranan proses pembelajaran amat penting bagi bekas penagih dadah yang mana kita boleh memahami dan meneroka cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan ini dalam membebaskan diri dari najis dadah. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan amatlah wajar kajian ini dijalankan kajian untuk meneroka dan memahami fenomena proses transformasi perspektif yang mana pengkaji akan memberi tumpuan terhadap proses pembelajaran transformatif yang berlaku dan bagaimana proses pembelajaran transformatif membantu bekas penagih dadah dalam melakukan transformasi dan menjalani kehidupan seperti biasa setelah pulih dari ketagihan dadah. Di samping itu elemen penting dalam pembelajaran transformatif seperti peristiwa pencetus, refleksi kritikal, dialog, kesan TP dan faktor TP turut memainkan peranan dalam proses pembelajaran transformatif bekas penagih dadah. Pengkaji berpendapat inilah jurang yang perlu diisi dalam proses pembelajaran transformatif terhadap bekas penagih dadah.

Bagi kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kes dan fenomenologi yang mana ia bersesuaian dengan proses transformasi bekas penagih dadah. Kajian kualitatif adalah bertujuan untuk mendapatkan dapatan yang memberi gambaran holistik dan bermakna dan bukan untuk memberi penemuan umum mengenai kajian yang dikaji (Merriam dan Tisdell, 2015; Creswell, 2014). Melalui kajian kes secara kualitatif pengkaji boleh menyelidik, memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa dan proses yang berlaku di tempat kajian (Yin, 2014; Creswell, 2013). Pengkajian fenomenologi adalah untuk menghuraikan tentang pelbagai pengalaman yang dihadapi oleh manusia dalam hidupnya dan seterusnya pengalaman itu dicirikan dan dikategori secara kualitatif (Merriam dan Tisdell, 2015; Creswell, 2013; Othman, 2012).

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada persoalan – persoalan berikut:

1. Apakah punca yang menyebabkan bekas penagih dadah berulang kali ketagihan dadah (*relapse*)?
 - 1.1 Apakah peristiwa pencetus yang berlaku terhadap bekas penagih dadah yang menyebabkan mereka melakukan transformasi perspektif (TP) terhadap ketagihan dadah?
2. Bagaimanakah refleksi kritikal membantu individu dalam mengubah perspektif terhadap ketagihan dadah?
 - 2.1 Apakah peranan dialog dalam membantu individu dalam melakukan proses transformasi perspektif (TP)?
3. Apakah faktor-faktor yang membantu transformasi perspektif (TP) bekas penagih dadah terhadap ketagihan dadah?
4. Apakah kesan transformasi perspektif (TP) kepada bekas penagih dadah terhadap ketagihan dadah?
5. Bagaimanakah proses transformasi perspektif (TP) yang berlaku kepada bekas penagih dadah terhadap ketagihan dadah?

1.5 Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan meneroka proses transformasi perspektif yang berlaku kepada bekas penagih dadah. Oleh itu, objektif utama kajian adalah:

1. mengenal pasti punca bekas penagih dadah berulang kali ketagihan dadah (*relapse*).

- 1.1 Mengenal pasti apakah peristiwa pencetus yang berlaku yang menyebabkan bekas penagih dadah melakukan transformasi perspektif (TP) terhadap ketagihan dadah.
2. mengenal pasti bagaimanakah refleksi kritikal membantu individu mengubah perspektif individu terhadap ketagihan dadah.
 - 2.1 memahami peranan dialog dalam membantu individu dalam proses transformasi perspektif (TP)
3. mengenal pasti faktor-faktor yang membantu dalam proses transformasi perspektif (TP) terhadap ketagihan dadah
4. mengenalpasti kesan transformasi perspektif (TP) terhadap bekas penagih dadah
5. meneroka proses transformasi perspektif (TP) bekas penagih dadah terhadap ketagihan dadah

1.6 Matlamat Kajian

Matlamat kajian kajian ini adalah untuk meneroka proses transformasi perspektif yang berlaku dalam kalangan bekas penagih dadah dalam menjalani kehidupan mereka sebelum, semasa dan selepas bebas dari dadah.

1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini dapat menambah kefahaman dan nilai tambah kepada teori pembelajaran transformatif khususnya tentang elemen pembelajaran transformatif seperti refleksi kritikal, peristiwa pencetus dan wacana/dialog terutama dalam bidang akademik. Ia boleh memberi

kesan terhadap individu melalui proses transformasi yang berlaku khususnya dalam kalangan bekas penagih dadah. Kajian terhadap pembelajaran transformatif ke atas bekas penagih dadah hanya tertumpu di negara Barat. Justeru itu, kajian ini sangat perlu dalam konteks Malaysia dijalankan supaya ia boleh difahami secara ilmiah.

- ii. Kajian ini dapat menambahkan lagi jumlah kajian yang berkaitan dengan pembelajaran dewasa terutama pembelajaran transformatif di Malaysia. Ia boleh meningkatkan kefahaman pengkaji khususnya pihak lain tentang kepentingan pembelajaran transformatif dalam disiplin kajian. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu mengenai dadah hanya berkisar tentang punca, faktor, langkah pencegahan dan cara penyelesaian dalam menangani masalah dadah.
- iii. Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak seperti AADK, individu, pakar motivasi, kaunselor atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam membantu bekas penagih dadah ini. Peranan bekas penagih dadah yang berjaya pulih dan kembali ke kehidupan masyarakat normal dapat memberi motivasi kepada penagih yang masih terlibat dalam kancah najis dadah. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) kepada pihak yang berkaitan untuk memahami dan mengetahui proses transformasi yang berlaku terhadap bekas penagih.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah:

- i. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman pembelajaran transformatif dalam kalangan bekas penagih dadah. Melalui pengalaman bekas penagih dadah pengkaji boleh memahami bagaimana proses pembelajaran transformatif berlaku dalam diri bekas

penagih dadah itu sendiri dan bagaimana individu membina keyakinan dalam diri untuk bebas dari najis dadah.

